



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

SEKOLAH KEBANGSAAN TAMAN AGROPOLITAN YANG BAHARU BAKAL MENEMPATKAN SEHINGGA 720 MURID SIAP MENJELANG TAHUN 2025

GUA MUSANG, KELANTAN - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya hari ini telah turun padang meninjau kemajuan kerja pembinaan sekolah baharu yang memiliki lapan belas (18) buah bilik darjah dan lain-lain kemudahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Agropolitan, Rantau Manis, Gua Musang, Kelantan.

2. Projek ini telah dimulakan pada 27 Julai 2022 dan kini sedang giat dalam fasa pelancaran struktur Sistem Binaan Industri (*Industrialised Building System* - IBS) untuk bangunan utama sekolah dan dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2025. Projek milik Kementerian Pendidikan Malaysia ini bernilai RM 26.56 juta (kos kontrak asal) dan dibangunkan di atas kawasan seluas 7.285 hektar/18 ekar di mana keluasan tapak projek untuk pembinaan sekolah ini sahaja adalah 3.9 hektar.

3. Antara skop projek ini ialah membina sebuah blok utama yang mengandungi lapan belas (18) buah bilik darjah, serta blok tambahan seperti prasekolah, kantin, pondok pengawal, rumah sampah, pentas, tiang bendera, bangsal basikal, tempat letak kereta, laluan sambung berbumbung dan wakaf menunggu bas. Terdapat juga fasiliti sukan yang dibina seperti gelanggang bola jaring, bola tampar dan badminton.

4. Projek ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan dalam meningkatkan kualiti pendidikan Rakyat Madani melalui penyediaan fasiliti pembelajaran yang kondusif dan selesa kepada anak murid sekitar Rantau Manis. Ianya mampu menampung keperluan antara 400 hingga 720 orang pelajar. Dengan adanya sekolah ini, anak - anak murid dari kawasan Rantau Manis dapat meningkatkan masa kualiti mereka dengan penjimatan masa ke sekolah tanpa melalui perjalanan yang jauh untuk ke dua buah sekolah berhampiran sebelum ini iaitu SK Jeram Tekoh dan SK Renok Baru.

5. Kementerian Kerja Raya (KKR) berharap pasukan pengurus projek dan pembinaan dapat mengekalkan momentum penyiapan projek ini dengan menepati mutu yang ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa. KKR sangat menghargai kepercayaan yang diberikan oleh KPM kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku agensi pelaksana untuk menyiapkan infrastruktur pendidikan negara ini.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
8 OGOS 2024